

Jangan gambarkan kerajaan tidak telus isu ekuiti antara kaum

Amaran Najib

Oleh HAMDEN RAMLI

KUALA LUMPUR 15 Okt. - Datuk Seri Najib Tun Razak memberi amaran kepada semua pihak agar tidak menyindir kerajaan dan memberi gambaran seolah-olah kerajaan tidak telus dalam isu ekuiti ekonomi antara kaum di negara ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kerajaan sentiasa telus dalam menangani hal itu dan bersedia untuk mendedahkan kaedah kajian itu jika masih wujud kesangsian mengenainya.

"Kita tidak ada masalah (mendedahkan kaedah kajian) tetapi janganlah ada sindiran bahawa kerajaan ini tidak telus atau sebagainya," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas melancarkan Kempen Keselamatan Jalan Raya sempena musim perayaan Deepavali dan Hari Raya Aidilfitri di Hentian Duta di sini hari ini.

Najib diminta mengulas gesaan Parti Gerakan yang mahu Unit Perancang Ekonomi (EPU) mendedahkan secara telus kaedah kajian yang merekodkan bahawa penguasaan bumiputera dalam ekuiti ekonomi negara hanya sebanyak 18.9 peratus.

Presidennya, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik berkata, ini kerana ada sesuatu tidak kena dengan angka tersebut kerana tidak menampakkan seberang peningkatan berterusan sejak Dasar Ekonomi Baru (DEB) diperkenalkan pada 1970.

Sebagai contoh, katanya, angka penguasaan ekuiti bumiputera yang direkodkan pada 1990 adalah sebanyak 19 peratus tetapi menurun pula kepada 18.9 peratus sekarang.

Najib menambah, apa sahaja angka yang diguhakan dalam kajian itu adalah untuk kepentingan negara secara keseluruhannya.

Katanya, angka tersebut bukan telah diubah suai untuk kepentingan mana-mana masyarakat.

"Kerajaan sebenarnya telus kerana membuat kajian yang berasaskan kepada penyelidikan yang objektif.

"Tetapi kenyataan yang dikeluarkan itu ada memberikan gambaran seolah-olah kerajaan tidak telus," tegasnya.

Amaran Najib

Isu penguasaan bumiputera dalam ekonomi negara menimbulkan kontroversi apabila Institut Kajian Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI) mendakwa bumiputera telah menguasai 45 peratus ekuiti.

Dakwaan itu disangkal kerajaan kerana kajian EPU merekodkan bumiputera hanya menguasai 18.9 peratus.

ASLI kemudian memohon maaf dan menarik balik laporan mereka.